

23 JAN 1998

Zaharah-Dana

LEBIH 3,500 DIJANGKA SERTAI PELABURAN DI HARI PERTAMA

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Wanita Barisan Nasional menganggarkan lebih 3,500 wanita akan menjadi kumpulan pertama membuat pelaburan pada hari pelancaran kutipan Pelaburan Ihsan Wanita yang bakal dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Feb ini.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata kumpulan pertama itu dijangka terdiri daripada kalangan anggota pergerakan wanita sendiri serta golongan wanita yang sedar akan tanggungjawab masing-masing dalam usaha membantu kerajaan menghadapi masalah ekonomi.

"Kutipan yang dilancarkan ini adalah mengikut fasa pertama, manakala dalam fasa kedua, kita akan alirkan wang kutipan ke dalam syarikat dana profesional sebaik sahaja ia diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti, selepas itu kita boleh bercakap mengenai keuntungan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Wanita Barisan Nasional di sini hari ini.

"Dana ini merupakan satu jaminan yang baik. Golongan wanita patut mematuhi saranan Perdana Menteri agar menjual barang kemas masing-masing dan hasilnya boleh dimasukkan ke dalam skim seperti ini," katanya.

Katanya tindakan sedemikian boleh mempertingkatkan nilai barangan kemas itu berbanding sewaktu ia hanya disimpan.

"Wanita perlu yakin dengan sumber yang ada pada mereka, malah tidak ramai wanita sedar bahawa mereka mempunyai aset yang besar menerusi barangan milik mereka termasuk barangan perhiasan diri," kata Zaharah.

Semalam, Zaharah mengumumkan penubuhan sebuah dana yang dijangka dapat membantu memulihkan ekonomi negara dan menggalakkan amalan menabung di kalangan wanita.

Simpanan minimum individu dalam dana tersebut ialah RM100 manakala tiada had ditentukan bagi simpanan maksimum. Ia tidak tertumpu kepada wanita sahaja malah turut melibatkan lelaki yang berumur 18 tahun ke atas.

Beliau berkata, majlis pelancaran kutipan itu akan dijadikan sebagai aktiviti kemuncak pergerakan wanita untuk tahun ini, yang antara lain membuktikan tanda sokongan kepada kerajaan.

Menurutnya sambutan Hari Raya dan Tahun Baru Cina akan diadakan serentak pada majlis pelancaran itu. -- BERNAMA

WNZ NMO